



14 Mac 2019
14 March 2019
P.U. (A) 76

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (PERAKUAN AMALAN BAGI SETIAUSAHA) 2019

COMPANIES (PRACTISING CERTIFICATE FOR SECRETARIES) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SYARIKAT 2016

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (PERAKUAN AMALAN BAGI SETIAUSAHA) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 241(7) dan perenggan 613(1)(b) Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Syarikat (Perakuan Amalan bagi Setiausaha) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2019.

Permohonan perakuan amalan

2. (1) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 235(2) Akta boleh memohon secara bertulis kepada Pendaftar bagi mendapatkan suatu perakuan amalan untuk bertindak sebagai setiausaha.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

(a) nama, nombor pengenalan, maklumat untuk dihubungi dan alamat tempat kediaman utama di Malaysia pemohon itu;

(b) alamat perniagaan di Malaysia pemohon itu, jika berkenaan;

(c) badan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Akta yang pemohon itu berdaftar atau lesen pemohon yang disebut dalam subseksyen 235(2) Akta;

(d) suatu perisytiharan oleh pemohon itu bahawa—

(i) pemohon itu bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan

- (ii) pemohon itu tidak pernah disabitkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia bagi mana-mana kesalahan yang disebut dalam seksyen 198 Akta; dan

(e) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(3) Permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Perakuan amalan

3. (1) Apabila permohonan yang disebut dalam peraturan 2 diluluskan, Pendaftar hendaklah—

(a) memasukkan butir-butir pemohon ke dalam daftar setiausaha; dan

(b) mengeluarkan suatu perakuan amalan kepada pemohon itu.

(2) Perakuan amalan yang dikeluarkan di bawah peraturan ini hendaklah sah bagi tempoh satu tahun dari tarikh dikeluarkan.

(3) Jika Pendaftar enggan untuk memberikan perakuan amalan itu, Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis tentang keengganannya itu.

(4) Selepas perakuan amalan itu diberikan oleh Pendaftar, setiausaha hendaklah menjalani Pendidikan Profesional Berterusan sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar untuk membolehkan setiausaha membaharui perakuan amalannya di bawah peraturan 4.

(5) Setiausaha hendaklah mematuhi garis panduan, nota amalan, notis atau pekeliling yang berhubungan dengan perakuan amalan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [*Akta 614*].

(6) Dalam peraturan ini, “Pendidikan Profesional Berterusan” ertinya apa-apa kursus pembelajaran, latihan dan pengalaman praktikal dalam menunaikan kewajipan dan tanggungjawab setiausaha itu.

Pembaharuan perakuan amalan

4. (1) Setiausaha hendaklah memohon bagi pembaharuan perakuan amalan tidak lewat daripada tiga puluh hari sebelum tarikh habis tempoh perakuan amalan itu.

(2) Suatu permohonan bagi membaharui perakuan amalan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) perisytiharan yang disebut dalam perenggan 2(2)(d);

(b) apa-apa dokumen yang berhubungan dengan Pendidikan Profesional Berterusan yang disebut dalam peraturan 3; dan

(c) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Jika Pendaftar enggan membaharui perakuan amalan itu, Pendaftar hendaklah memberitahu setiausaha secara bertulis mengenai keengganannya itu.

Penggantungan perakuan amalan

5. (1) Pendaftar hendaklah menggantung perakuan amalan yang dikeluarkan kepada setiausaha jika—

(a) keanggotaan setiausaha itu telah digantung oleh mana-mana badan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Akta yang setiausaha itu berdaftar; atau

(b) lesen setiausaha itu telah digantung oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 20H Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

(2) Pendaftar hendaklah memberitahu setiausaha secara bertulis tentang penggantungan perakuan amalan itu.

(3) Jika perakuan amalan itu telah digantung oleh Pendaftar, perakuan amalan itu tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa semasa tempoh penggantungan itu.

Pembatalan perakuan amalan

6. (1) Pendaftar boleh membatalkan perakuan amalan itu jika—

- (a) setiausaha itu melakukan suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) keanggotaan setiausaha itu telah dibatalkan oleh mana-mana badan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Akta yang setiausaha itu berdaftar;
- (c) lesen setiausaha itu telah dibatalkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001; atau
- (d) setiausaha itu tidak mematuhi terma dan syarat perakuan amalan itu.

(2) Pendaftar hendaklah memberitahu setiausaha secara bertulis tentang pembatalan perakuan amalan itu.

(3) Pendaftar boleh menghendaki setiausaha untuk membuat representasi secara bertulis mengapa perakuan amalannya tidak patut dibatalkan.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), representasi itu hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan yang disebut dalam subperaturan (2).

(5) Pendaftar hendaklah—

- (a) selepas mempertimbangkan representasi secara bertulis oleh setiausaha di bawah subperaturan (4); atau
- (b) jika tiada representasi secara bertulis dibuat oleh setiausaha di bawah subperaturan (4),

memutuskan sama ada untuk membatalkan perakuan amalan itu atau selainnya.

Rayuan kepada Menteri

7. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar berhubung dengan permohonan, pembaharuan dan pembatalan perakuan amalan boleh merayu kepada Menteri.

(2) Rayuan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan secara bertulis yang disebut masing-masing dalam subperaturan 3(3), 4(3) dan 6(2).

(3) Menteri boleh mengesahkan, mengubah atau menyetepikan keputusan Pendaftar atau membuat apa-apa keputusan yang difikirkan patut oleh Menteri.

(4) Rayuan itu hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Penyerahan perakuan amalan

8. (1) Setiausaha boleh menyerahkan perakuan amalannya pada bila-bila masa dengan mengemukakan perakuan amalannya dan suatu notis secara bertulis kepada Pendaftar tentang penyerahannya itu.

(2) Penyerahan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Pendaftar menerima perakuan amalan dan notis di bawah subperaturan (1) atau, jika suatu tarikh yang kemudian dinyatakan dalam notis itu, pada tarikh yang kemudian itu.

Perubahan butir-butir

9. (1) Setiausaha hendaklah memberitahu Pendaftar secara bertulis dalam masa empat belas hari dari tarikh apa-apa perubahan butir-butir mengenai setiausaha itu.

(2) Mana-mana setiausaha yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

JADUAL

[Peraturan 2, 4 dan 7]

FI

(1) Butiran	(2) Perihalhan	(3) RM
1.	Permohonan perakuan amalan	100.00
2.	Permohonan pembaharuan perakuan amalan bagi—	
	(a) satu tahun	100.00
	(b) dua tahun	200.00
	(c) tiga tahun	300.00
3.	Rayuan kepada Menteri	300.00

Dibuat 13 Mac 2019

[KPDNKK 600-1/2/48; PN(PU2)740/II]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri
 dan Hal Ehwal Pengguna*

COMPANIES ACT 2016

COMPANIES (PRACTISING CERTIFICATE FOR SECRETARIES) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by subsection 241(7) and paragraph 613(1)(b) of the Companies Act 2016 [Act 777], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Companies (Practising Certificate for Secretaries) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 15 March 2019.

Application of practising certificate

2. (1) Any person referred to in subsection 235(2) of the Act may apply in writing to the Registrar for a practising certificate to act as a secretary.

(2) The application under subregulation (1) shall contain the following particulars:

- (a) the name, identification number, contact information and address of the principal place of residence in Malaysia of the applicant;
- (b) the business address in Malaysia of the applicant, if applicable;
- (c) the body as set out in the Fourth Schedule of the Act which the applicant registered with or the applicant's licence referred to in subsection 235(2) of the Act;
- (d) a declaration by the applicant that—
 - (i) the applicant is not an undischarged bankrupt; and

- (ii) the applicant has not been convicted whether in or outside Malaysia of any offence referred to in section 198 of the Act; and

(e) such other information as the Registrar may require.

(3) The application made under subregulation (1) shall be accompanied with the fee as specified in the Schedule.

Practising certificate

3. (1) Upon approval of the application referred to in regulation 2, the Registrar shall—

(a) enter the particulars of the applicant in the register of secretaries; and

(b) issue a practising certificate to the applicant.

(2) A practising certificate issued under this regulation shall be valid for a period of one year from the date of issuance.

(3) Where the Registrar refuse to grant the practising certificate, the Registrar shall notify the applicant in writing of his refusal.

(4) After the practising certificate has been granted by the Registrar, the secretary shall undergo a Continuing Professional Education as determined by the Registrar to enable the secretary to renew his practising certificate under regulation 4.

(5) The secretary shall comply with the guidelines, practice notes, notices or circulars relating to the practising certificate issued by the Commission under section 20C of the Companies Commission of Malaysia Act 2001 [Act 614].

(6) In this regulation, “Continuing Professional Education” means any course of studies, training and practical experience in the discharge of the secretary’s duties and responsibility.

Renewal of practising certificate

4. (1) A secretary shall apply for the renewal of the practising certificate not less than thirty days before the date of expiry of the practising certificate.

(2) An application for renewal of the practising certificate under subregulation (1) shall be accompanied with—

(a) the declaration referred to in paragraph 2(2)(d);

(b) any document relating to the Continuing Professional Education referred to in regulation 3; and

(c) the fee as specified in the Schedule.

(3) Where the Registrar refuse to renew the practising certificate, the Registrar shall notify the secretary in writing of his refusal.

Suspension of practising certificate

5. (1) The Registrar shall suspend a practising certificate issued to a secretary if—

(a) the membership of the secretary has been suspended by any of the bodies as set out in the Fourth Schedule of the Act which the secretary registered with; or

(b) the licence of the secretary has been suspended by the Commission under section 20H of the Companies Commission of Malaysia Act 2001.

(2) The Registrar shall notify the secretary in writing of the suspension of the practising certificate.

(3) Where the practising certificate has been suspended by the Registrar, the practising certificate shall have no effect during the suspension period.

Revocation of practising certificate

6. (1) The Registrar may revoke the practising certificate if—

- (a) the secretary commits an offence under the Act;
- (b) the membership of the secretary has been revoked by any of the bodies as set out in the Fourth Schedule of the Act which the secretary registered with;
- (c) the licence of the secretary has been revoked by the Commission under the Companies Commission of Malaysia Act 2001; or
- (d) the secretary fails to comply with the terms and conditions of the practising certificate.

(2) The Registrar shall notify the secretary in writing of the revocation of the practising certificate.

(3) The Registrar may require the secretary to make representation in writing as to why his practising certificate should not be revoked.

(4) For the purpose of subregulation (3), the representation shall be submitted to the Registrar within thirty days from the date of receipt of notification referred to in subregulation (2).

(5) The Registrar shall—

- (a) after considering the representation in writing by the secretary under subregulation (4); or
- (b) if no representation in writing is made by the secretary under subregulation (4),

decide whether to revoke the practising certificate or otherwise.

Appeal to Minister

7. (1) Any person who is aggrieved by the decision of the Registrar in relation to the application, renewal and revocation of a practising certificate may appeal to the Minister.

(2) An appeal shall be made in writing to the Minister within thirty days from the date of receipt of notification in writing referred to in subregulations 3(3), 4(3) and 6(2) respectively.

(3) The Minister may affirm, vary or set aside the decision of the Registrar or make any decision that he thinks fit.

(4) The appeal shall be accompanied with the fee as specified in the Schedule.

Surrender of practising certificate

8. (1) A secretary may surrender his practising certificate at any time by forwarding his practising certificate and a notice in writing to the Registrar of his surrender.

(2) The surrender shall take effect on the date the Registrar received the practising certificate and notice under subregulation (1) or, where a later date is specified in the notice, on that later date.

Change of particulars

9. (1) A secretary shall notify the Registrar in writing within fourteen days from the date of any changes of particulars of the secretary.

(2) Any secretary who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.

SCHEDULE

[Regulations 2, 4 and 7]

FEES

(1) Item	(2) Description	(3) RM
1.	Application of practising certificate	100.00
2.	Application of renewal of practising certificate for—	
	(a) one year	100.00
	(b) two years	200.00
	(c) three years	300.00
3.	Appeal to the Minister	300.00

Made 13 March 2019
[KPDNKK 600-1/2/48; PN(PU2)740/II]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
*Minister of Domestic Trade
and Consumer Affairs*